



B A B

IV

LAPURAN PENYELIDIKAN
DAN PENGANALISAAN
DATA

BAB IV

LAPURAN PENYELIDIKAN DAN PENAFSIRAN DATA

Dalam menjalankan penyelidikan mengenai lajur "Aktiviti Keluasan dan Penerimaannya di kalangan Masyarakat Peternak, Tindakan Khusus di Felde Tenang Besut, Jerteh Terengganu", penulis telah membuat pengumpulan data dengan menggunakan metode dokumentasi, metode interview (temubual) dan juga metode questioner (survei). Selain dari itu penulis juga tidak ketinggalan menggunakan metode penafsiran dan penganalisaan data yang merangkumi metode induktif, metode deduktif dan metode komparatif. Dalam laporan ini penulis cuba untuk membuat dan menghasilkan satu laporan penyelidikan dan penganalisaan data yang mengandungi segala data yang telah dikumpulkan.

Dengan menggunakan metode dokumentasi penulis telah berjaya mendapatkan beberapa catatan penting berhubung dengan penyelidikan yang dijalankan terutama dalam memperkenalkan Felde dan aktiviti yang berkaitan dengannya termasuk juga objektif serta perancangannya. Penulis juga memberi penekanan terhadap sejarah pembentukan dan aktiviti-aktiviti yang dijalankan untuk memajukan Felde itu sendiri sesuai dengan matlamat penubuhannya yang menajui kemajuan dan pembangunan masyarakat.

Untuk mendapatkan gambaran jelas mengenai pembentukan sejarah Felde dengan segala tujuan yang ingin dicapai, penulis juga telah memilih Felde tempat tinggalnya sendiri untuk dijadikan se-

pentadbiran. Dalam hal ini penulis cuba memperkenalkannya selipya kepada pembukaannya, bilangan penduduknya, ekonomi penduduknya, dan juga kejayaan yang dikecapi oleh masyarakat Felda. Itu semua dengan adanya penyediaan kemudahan asas yang diperuntukkan oleh pihak kerajaan.

Penulis juga turut sama menceritakan tentang pentadbiran yang dilaksanakan di Felda tersebut dengan menggunakan metode in-terview. Metode ini dapat membantu penulis mendapatkan data yang berkaitan dengan lebih mudah dan jelas untuk dirumuskan dan diorganisasikan. Selain daripada itu penulis juga tidak ketinggalan berusaha untuk mendapatkan data-data yang diperlukan berkaitan dengan hal-hal bertassprojek yang dikaji. Penulis telah mengemukakan persoalan mengenai aktiviti-aktiviti keislaman yang dijalankan di Felda Tenang Besut bagi mendapatkan pandangan masyarakatnya mengenai masalah dan persoalan tersebut.

Dalam hal ini penulis cuba menyentuh mengenai badan yang menjalankan aktiviti keislaman di Felda Tenang Besut. Sememangnya aktiviti dijalankan oleh sebuah badan khusus yang dikenali sebagai Badan Pembangunan Masyarakat. Ia adalah satu badan utama untuk mengendalikan segala urusan yang berkaitan dengan kerohaniaan dan keagamaan. Badan ini tidak menjalankan aktiviti tersebut sendirian malah ia juga turut bergabung tenaga dengan badan-badan yang sama-sama berusaha melaksanakan aktiviti berbentuk keagamaan (keagamaan) di kalangan masyarakat.

Apa yang perlu diberi perhatian dalam hal ini ialah badan

kebiasannya telah meminta kerjanya dan bantuan dari Majelis Ulama Islam Terengganu (MAIT) dan Yayasan Islam Terengganu yang kedua-duanya juga sama-sama menjalankan aktiviti bertentuk terutama untuk memberi kemudahan kepada masyarakat Islam di Terengganu umumnya dan Masyarakat Felda Tenang Besut khususnya.

Dalam menjayakan aktiviti-aktiviti ini walaupun Badan Pengurusan Masyarakat sanggup menyediakan peruntukan yang diperlukan namun kedua-dua badan tersebut turut sama menyumbangkan bimbingan cara membekalkan guru-guru yang berkecualan untuk menyampaikan ajaran Islam kepada masyarakat. Selain daripada itu juga dan usahasama badan-badan tersebut juga turut menyebarkan majalah-majalah Islam yang diterbitkan oleh anggota masyarakat Felda Tenang Besut sendiri.

BENTUK-BENTUK AKTIVITI KEISLAMAN YANG DIJALANKAN

Antara aktiviti-aktiviti keislaman yang sering dijalankan di Felde Tenang Besut ini termasuklah ceramah agama, pengajian Islam, Kelas Tajwid AlQuran, kursus-kursus keislaman dan Kelas Pembinaan Kasin. Dalam hal ini penulis cuba untuk memberi penerangan mengenai tentang bentuk-bentuk aktiviti tersebut.

1. Ceramah Agama

Biasanya ceramah ini dijalankan untuk memperbaiki sesuatu masalah tertentu dengan mengemukakan dalil-dalil dan bukti-bukti untuk menyebut pandangan orang lain dalam masalah itu dengan menunjukkan pendapat yang benar. Ceramah yang baik ialah ceramah

yang terarah ke suatu tujuan dan arahannya seperti jalan dan sebagainya, diikuti dengan keterangan yang cukup, lengkap dan menyeluruh.

2. Pengajian Islam

Pengajian biasanya dijalankan untuk menerangkan ayat-ayat Al Quran dan hadis Nabi atau menerangkan sesuatu masalah seperti masalah fiqh. Majlis ini biasanya dihadiri oleh orang-orang tertentu yang sengaja datang mendengar pengajian itu.²

3. Kelas Tajwid Al Quran

Kelas ini merupakan kelas yang membicarakan tentang pengucapan untuk mengelakkan bacaan kerana erti perkataan tajwid itu ialah mengelakkan. Kelas ini juga membicarakan tentang kedudukan huruf (ayat-ayat ucapan), sifatnya dan lain-lain yang berkaitan dengan bacaan ayat-ayat Al Quran. Ayy-Syaikh Al Imam Bahari pernah membentangkan pengertian tajwid itu dengan satu urutan kata-kata: "هو عدم الاخلال بالاعنى والاعراب" iaitu "kegiatan yang nyata maknanya dan terang pengucapannya."

Nabi S.A.W bersabda:

من مرأ القرآن فاعرب في قراءته كان له بكل حرف عشر حسنات
ومن مرأ بهرا اعراب كان له بكل حرف عشر حسنات

terjemahannya: "Barangsiapa membaca Al Quran menurut sebutan Arab (terang dan fasih) adalah dia memperolehi 50 kebajikan dengan setiap huruf yang dibacanya dan siapa membaca Al Quran dengan sebutan bukan Arab (rasa bahasanya kesingisan) adalah dia memperolehi 10 kebajikan dengan se-

¹ Dr. Abdul Karim Zaidan, loc. cit. hal. 271.

² Ibid.

³ Abdullah Al Qari bin Hj. Salleh, Kursus Qari' dan Qariyah,
Makan Kelina, Pustaka Aman Press, SDN. BHD, Kelantan, hal. 15.

tiap huruf yang dibacanya".

Antara tujuan utama mempelajari ilmu tajwid ialah untuk melindungi lidah dari kesalahan membaca kalamullah dengan dengan menabahkan satu huruf ataupun menguranginya.⁴

4. Kursus -Kursus Islam

Kursus ialah satu bentuk bimbingan dan latihan yang diorganisasi dalam sesuatu bidang tertentu. Ia biasanya mengambil masa yang lebih panjang dan memerlukan penerangan yang teliti, juga melibatkan satu perbincangan yang mendalam terhadap tajuk-tajuk tertentu untuk menjelaskan kefahaman sebenarnya dan dapat menghasilkan resolusi yang dikehendaki. Kursus yang berbentuk Islam ini merupakan satu pengisian penting yang memberi kesan dan sahsah yang besar dalam usaha memberi pengetahuan dan kesedaran masyarakat pada Pelda Tenang Besut khususnya tentang Islam yang hak.

5. Kelas Pembacaan Yasin

Kelas ini disertai oleh masyarakat secara berkumpulan dan biasanya diadakan dari masa kepmasa. Surah Yasin merupakan satu surah yang utama di antara surah-surah Al Quran. Sebuah hadis Al-Bukhari yang diriwayatkan oleh Anas bahawa Rasulullah S.A.W berucap:

لكل شيء قلب وقلبا لقرآن من

Maksudnya: "Tiap-tiap sesuatu itu ada mempunyai hati dan jantung hati Al Quran itu ialah surah Yasin".

⁴Ibid,hal. 16.

⁵Ibid,hal. 17

Sehubungan dengan itu Imam Al Ghazali berkata: "Iman tidak ada kecuali dengan mengakui adanya hari kebangkitan, berakna hanya apabila menetapkan hal itu dalam jantung hati. Yakni surah ini diperlakukan sebagai jantung hati yang menjadi pangsanya badan!"

Al Nasafi pula mengatakan: "Tidak lain surah yasin ini hanyalah menetapkan pokok keimanan yang tiga iaitu keesaan, kerusuhan dan kebangkitan yang mempunyai kaitan dengan jantung hati".

Dengan itu masyarakat Islam hendaklah sentiasa mempraktikkan amalan membaca yasin ini untuk menguatkan lagi keimanan mereka dan insya Allah mendapat keberkatan hidup dari Allah Taala.

Kelas membaca yasin ini biasanya dihadiri oleh orang-orang tertentu untuk sama-sama membaca yasin secara beramai-ramai dan berkumpulan. Mereka ini dibahagikan kepada beberapa kumpulan tertentu. Kumpulan ini akan mengadakan bacaan yasin secara bergilir-gilir mengikut masa dan tarikh yang ditetapkan. Kelas ini dijalankan sekali atau dua kali atau 4 kali sebulan mengikut kumpulan masing-masing. Kebanyakan kelas ini juga dijalankan pada hari Jumaat dan juga hari-hari lain yang dikira sebagai waktu yang terluang bagi mereka supaya ianya tidak berlalu begitu saja tanpa sebarang pengisian yang bermanfaat khususnya untuk kepentingan Islam itu sendiri.

B. SAMBUTAN MASYARAKAT TERHADAP AKTIVITI KEISLAMAN YANG DIJALANKAN

Semua aktiviti-aktiviti ini secara umumnya mendapat sambutan

⁶ Ahmad Souhadji Mohamad, Tafsir Surah Yasin, Percetakan Si-
lami SDN.BHD., Kuala Lumpur, 1980, hal. 95.

⁷ Ibid. hal. 96.

yang baik di kalangan masyarakat FELDA Temang Besut khusus-
nya ia lebih bergantung kepada jenis-jenis aktiviti yang di-
adakan.

Bagi aktiviti Islam berbentuk seramah ia biasanya diha-
diri oleh golongan dewasa termasuk peneroka, penerokawati dan tidak
ditinggalkan juga golongan belia meskipun bilangannya tidak sebe-
nyaya. Begitu juga dengan aktiviti pengajian Islam yang biasanya
dijalankan di masjid dihadiri oleh sebilangan besar golongan de-
wasa. Pengajian ini biasanya disampaikan oleh guru-guru agama yang
berpangkat khas dan diadakan di waktu petang, malam dan hari-hari ter-
tentu.

Melalui aktiviti-aktiviti Islam yang diadakan di FELDA Te-
rang Besut tajuk-tajuk pengajian Islam yang ditekankan termasuklah su-
rat al-fatihah, fekah dan tafsir. Guru-guru yang ditugaskan untuk me-
nyampaikankannya terdiri daripada Pegawai Hal Ehwal Agama FELDA sen-
gguai itu Ustaz Abu Bakar bin Hj. Awang Lah dan beberapa orang
lain termasuklah juga guru-guru dari Yayasan Islam Terengganu,
Pegawai Agama Islam dan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Ter-
engganu. Mereka ini merupakan guru-guru yang berkebolehan, berpe-
ngalaman serta berpotensi dalam bidang agama.

Demikian pula dengan kelas tajwid Al Quran yang juga diha-
dirkan di masjid dihadiri oleh golongan dewasa. Kelas ini dikenda-
lakan oleh seorang guru Al Quran yang berpengalaman yang menga-
jar masyarakat cara-cara membaca Al Quran yang betul di segi se-

⁸Penubual penulis dengan Pegawai Hal Ehwal Agama FELDA
Temang Besut, Ustaz Abu Bakar bin Hj. Awang Lah, di kediamannya
pada 22 hb. April, 1989.

lafaz dan makrajnya.

Selain dari kelas Al Quran untuk golongan dewasa ini sebuah kelas Al Quran untuk memberi didikan dan bimbingan membaca Al Quran kepada anak-anak peneroka terutama kanak-kanak di peringkat sekolah rendah. Boleh dikatakan keseluruhan peneroka dan penerokawati yang berperanan sebagai ibubapa telah menghantar anak-anak mereka ke kelas ini yang diadakan di sebelah petang selepas anak-anak tersebut menghabiskan pembelajaran mereka di sekolah.

Yayasan Islam Terengganu juga turut mengatur aktiviti kelas-kelas berbentuk kelas Al Quran dan pengajian Islam kepada kanak-kanak rendah dari darjah 3 hingga 6 sebanyak tiga kali seminggu iaitu hari Ahad, Isnin dan Selasa. Kelas ini dikendalikan dan diajar oleh guru-guru agama yang diberi elaun khas oleh pihak Yayasan sendiri. Secara umumnya kelas ini mendapat sambutan yang baik dengan jumlah pelajar yang agak ramai dan menggalakkan.

Manakala kelas Al Quran untuk orang-orang dewasa pula dijalankan mengikut blok-blok yang ada secara bergilir-bergilir dengan jumlah ahli yang ramai termasuk peneroka dan penerokawati.

Kelas Al Quran Mengikut Blok-Blok

| Kelas | Pelajar | | Jumlah | Kumpulan |
|-------|---------|-----|--------|----------|
| | L | P | | |
| 19 | 138 | 259 | 392 | 19 |

2. MASALAH-MASALAH YANG DIHADAPI

Melalui metode interview juga penulis telah berjaya mengumpul data-data mengenai masalah yang dihadapi dan timbul dalam pelaksanaan aktiviti berbentuk keislaman di kalangan masyarakat peneroka Felda Tenang, Besut. Secara kasarnya penulis berpendapat penerimaan masyarakat peneroka terhadap aktiviti yang dijalankan berada di tahap yang baik. Namun ini bukan bermakna ia telah mencapai apa yang dikehendaki oleh Islam yang ingin melihat umat Islam sentiasa dicintai dan diminati oleh umatnya, tetapi yang jelas kekurangan dan kelemahannya tetap wujud.

Lantaran itu tidak dapat dinafikan bahawa keadaan ini sebenarnya tidak dapat lari dari berhadapan dengan berbagai masalah sia-sia secara jelas atau tersembunyi yang sebenarnya bertindih sebagai penghalang utama kepada perkembangan dan pelaksanaan aktiviti-aktiviti tersebut, biarpun pada hakikatnya ia bertujuan untuk memberi kebaikan kepada anggota masyarakat. Masalah yang timbul dalam hal ini meliputi beberapa perkara seperti berikut:

1. Kerjasama
2. Kekurangan Tenaga Pengajar
3. Perasaan Malu
4. Kepenatan Bekerja
5. Kerjasama

Masalah ini merupakan yang paling ketara di mana/masyarakat peneroka tidak menunjukkan minat yang bersungguh-sungguh, menyebabkan mereka merasakan kehadiran mereka ke tempat aktiviti-
setengah

aktiviti yang dijalankan itu sesuatu yang remek. Sedangkan pada akibatnya penyertaan merekalah menyebabkan aktiviti ini dapat dijalankan dan dilaksanakan dengan baik dan berkesan. Ini menunjukkan bahawa wujudnya kerjasama yang tidak baik di kalangan masyarakat dengan pihak yang menganjurkan aktiviti tersebut. Dengan itu kerjasama yang baik seharusnya diberikan untuk menjamin pelaksanaan yang berterusan. Ini semua amat penting bagi kesejahteraan dan kebahagiaan hidup masyarakat.

2. Kekurangan Tenaga Pengajar

Biarpun masalah ini tidak begitu menonjol namun ia juga boleh menjejaskan keadaan yang sedia ada. Disebabkan masalah ini sesuatu aktiviti yang semestinya diadakan atau dijalankan pada waktu dan masa tertentu, terpaksa dibatalkan begitu sahaja kerana tenaga pengajar yang dikehendaki telahpun mendapat jemputan dari pihak lain terlebih dahulu. Dalam waktu yang sama pengganti-pengganti tidak dapat dicari-ganti dan menyebabkan aktiviti yang sedia ada ini dirancangan tidak dapat diteruskan. Ini merupakan suatu perkara yang tidak seharusnya berlaku terutama ketika ini masyarakat memerlukan tunjuk-ajar yang berguna dari mereka yang berpengetahuan agama.

3. Perasaan Malu

Masalah ini, biarpun ianya tidak seharusnya berlaku, namun ia biasa terjadi. Ia disebabkan oleh perasaan rendah diri yang terlaluan di mana masyarakat merasakan aktiviti yang dijalankan itu tidak berapa penting untuk diikuti biarpun dalam keadaan

1
tententu mereka perlu menalami pengetahuan Islam secara lebih terperinci dan mendalam. Keadaan ini biasanya dialami oleh golongan tua, kerana mereka lebih takut kepada bayang-bayang pendiri dan yang dikatakan sebagai seorang yang jahil tentang agama walaupun sudah agak meningkat, sedangkan sebenarnya mereka ini amat kurang sekali pengetahuan agama. Satu sikap yang amat ketara di kalangan ialah setengah-setengah masyarakat berikap tidak apa dan biarlah sahaja masa berlalu terus tanpa adanya inisiatif untuk menambah dan meningkatkan lagi pengetahuan agama. Apa yang perlu ditunjukkan dalam hal ini ialah perasaan malu tidak seharusnya wujud di dalam diri mereka terutama malu yang tidak bertepatan dengan apa boleh membawa kepada satu tahap ilmu yang rendah seterusnya boleh menjejaskan pengetahuan mereka tentang kebenaran Islam sendiri. Mereka ini sebaiknya menyedari bahawa dalam usia mereka yang semakin meningkat itulah semestinya dipenuhi dengan amal-amal keagamaan bagi mendekatkan diri dengan Allah sepanjang hayatnya kehidupan mereka lebih diberkati dan dirahmati di dunia dan di akhirat.

Selain dari itu perasaan malu juga dibangkitkan oleh masyarakat sekeliling. Lantaran perasaan ini mereka turut sama menghadiri aktiviti-aktiviti keislaman yang diadakan. Oleh kerana rasa malu inilah mereka terikut-ikut dengan jiran tetangga biar pun pada hakikatnya mereka tidak ikhlas dan menganggap bahawa hanya dengan demikianlah suatu yang membuang masa. Keadaan ini semestinya tidak boleh dibiarkan berterusan lantaran hanya tidak menepati dengan tuntutan Islam yang mahukan umatnya berlaku jujur dan ikhlas dan

...lakukan sesuatu yang dipalakkan oleh Allah. Niat seseorang
adalah ikhlas dalam melakukan sesuatu pekerjaan sebagaimana
Rasulullah S.A.W :

إِنَّمَا الْأَعْمَالُ بِالنِّيَّاتِ

Artinya: "Sesungguhnya segala amalan (pekerjaan) itu adalah de-
ngan niat".

g. Keponatan Bekerja

Masalah ini sememangnya jelas terdapat di kalangan madya-
genereroka yang sentiasa bekerja bertungkus-lumen dan membah-
... empat kerat di ladang-ladang. Hasil-hasil yang diper-
... adalah dianggap sebagai sumber pendapatan utama keluarga
... menampung segala perbelanjaan hidup seharian. Bagi madyara-
... genereroka di Felda yang menjadi kawasan kajian penulis, mere-
... mengerjakan ladang getah sebagai cara untuk mendapatkan
... hidup. Biasanya mereka ini keluar bekerja pada waktu pagi
... tengahari dan adakalanya sampai menjelang petang teru-
... hari-hari mengumpul susu getah yang telah dibekukan de-
... masa yang lama lebih-lebih lagi kerana menghantarnya
... menyimpan getah.

Keadaan ini menyebabkan mereka merasa penat dan terlalu
... Apabila mereka pulang ke rumah sudah tentu mereka memerlu-
... kepada masa untuk berehat dan menenangkan fikiran selepas
... bekerja. Sedangkan pada kebiasaannya aktiviti-aktiviti ke-
... sering dijalankan pada waktu petang dan tidak kurang 1/2

PERPUSTAKAAN UNIVERSITI MALAYA

di waktu malam. Hal ini membawa kepada pertentangan masa yang
jawa. Dalam hubungan ini setengah-setengah peneroka tidak dapat
mengikutinya disebabkan kepenatan yang dirasai.

Lantaran keadaan ini meskipun mereka menghadirinya seme-
munya mereka tidak dapat memberi tumpuan dan perhatian yang ba-
nyak pada setiap pengajaran yang disampaikan melalui aktiviti ke-
lompokan yang dijalankan. Selain daripada itu mereka juga berkenang-
gantung di serang keadaan mengantuk seterusnya kehilangan minat a-
tau "bored" yang boleh menjejaskan keberkesanan penerimaan mereka
terhadap ajaran Islam. Dengan itu ada baiknya mereka menghabiskan
waktu selepas bekerja mereka dengan berehat bersama keluarga di-
mana masing-masing daripada meneruskan keinginan mereka untuk
menghadiri aktiviti-aktiviti yang diadakan biarpun pada hakiqat-
nya ia merupakan suatu perkara yang penting dalam kehidupan meny-
endiri.

Semua ini boleh menjejaskan sambutan masyarakat untuk men-
gadakan lagi kegiatan dan program yang dijalankan dan ia mungkin
terjadi di tahap yang kurang memuaskan. Walaupun masalah kepenatan
bekerja ini merupakan satu masalah yang bukan senang untuk diata-
si dalam usaha meningkatkan lagi pelaksanaan aktiviti tersebut,
tapi apa yang sebaiknya dilakukan oleh pihak yang terlibat in-
dah memastikan masa yang sesuai antara aktiviti yang dijalankan
dengan kelapangan masa dan peluang yang dimiliki oleh masyarakat
di mereka agar tidak berlaku lagi perebutan antara keperluan hafa-
hah dengan keperluan untuk mendalami ajaran Islam yang dituntut

dan diwajibkan kepada setiap individu. Beliau.

2. LAPURAN PENYELIDIKAN METODE QUESTIONER

Menyentuh tentang laporan penyelidikan metode questioner beliau telah mengedarkan borang kajiselidik kepada responden sebanyak 50 orang. Dari jumlah tersebut penulis mendapati 40 peratus daripadanya ialah kaum lelaki sementara 60 peratus lagi adalah golongan wanita. Mereka ini meliputi semua peringkat umur antara 16 hingga 20 tahun, 21 hingga 30 tahun, 31 hingga 40 tahun dan 50 tahun ke atas. Tentang tahap perkahwinan mereka kebanyakannya telah berkahwin dan mempunyai anak tetapi ada juga yang masih bujang iaitu dari kalangan belia dan beliawanis yang tergolong dalam lingkungan umur antara 16 hingga 20 tahun.

Mengenai tempat asal mereka sebelum menjadi peneroka di Felda Tenang Besut kebanyakannya berasal dari daerah Besut sendiri. Namun tidak sampai 3 peratus dari jumlah mereka ini berasal dari daerah lain seperti dari Kelantan dan Pahang. Mereka datang dari berbagai kampung yang berlainan di daerah Besut yang kebanyakannya terletak tidak jauh dari Felda Tenang.

Tentang tempoh masa penetapan mereka di Felda ini kebanyakannya menyatakan ia bermula sejak penubuhannya iaitu kira-kira 10 tahun yang lalu, manakala setengah-setengah yang lain pula menyatakan antara 1 hingga 20 tahun bergantung kepada pengambilan mereka ke tanah rancangan tersebut. Bagi peneroka yang baru mendapat tawaran kemasukan ke Felda ini tentulah masanya lebih singkat berbanding dengan mereka yang telah lama menetap di tanah.

rangga ini. Berhubung dengan latarbelakang mereka sebelum menyertai Felda ini, kesemua responden mengatakan bahawa mereka dari keluarga yang sederhana keadaannya.

Demikian juga dengan latarbelakang pendidikan asas, dengan latarbelakang pendidikan sekolah Melayu dan sebahagian kecilnya sahaja yang mendapat pendidikan asas melalui sekolah agama. Manakala sekolah Inggeris dan sekolah pondok tiada seorangpun di kalangan responden ini mendapat pendidikan asas dari kedua-duanya. Manakala tahap pencapaian akademik masyarakat peneroka Felda Benang Buntar, sebanyak 66 peratus berkelulusan sekolah rendah, 33 peratus berkelulusan Sijil Rendah Pelajaran (SRP), 4 peratus berkelulusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan hanya 2 peratus berkelulusan Sijil Tinggi Persekolahan (STPM). Secara umumnya dapat dikatakan bahawa keseluruhan masyarakat Felda ini mempunyai tahap kelulusan yang meliputi semua peringkat taraf akademik, dengan setakat ini masih belum ada para peneroka yang berkelulusan universiti.

1. Pandangan Masyarakat Peneroka terhadap Pengertian Islam

Memandangkan tajuk kertas projek ini mempunyai kaitan yang rapat dengan Islam itu sendiri, penulis merasakan bahawa pengertian Islam perlu diperbincangkan. Ini penting untuk mengetahui sejauhmanakah pengetahuan masyarakat peneroka Felda tentang Islam sebagai suatu cara yang mendorong mereka berminat untuk mengikuti aktiviti keislaman yang dianjurkan semata-mata untuk memberi pengetahuan mengenai Islam. Dalam hal ini penulis telah memberi beberapa pengertian Islam yang hampir-hampir sama maksudnya. Para ka-

yang diperolehi penulis dapat memberikan data-data mengenai
sebagaimana berikut:

- a. Islam adalah "The Way of Life" yang merupakan satu pe-
nyataan atau cara hidup yang mencakupi segala aspek kehidupan.
- b. Islam adalah semata-mata mengamalkan segala rukun iman
dan rukun Islam dengan penuh khuyu' dan penuh kesedaran.
- c. Islam ialah mengamalkan dan memperjuangkan segala hu-
kum-hukum yang telah ditetapkan oleh Allah ke atas diri, kelu-
arga dan masyarakat.
- d. Islam adalah satu perjuangan untuk membebaskan manusia
daripada pengabdian sesama manusia kepada pengabdian terhadap
Allah Taala yang Esa dan Hak secara mutlak.
- e. Islam adalah kepatuhan dan ketundukan serta penyerahan
diri yang bulat kepada Allah Taala dengan mengerjakan segala pe-
rintahnya secara ikhlas dan meninggalkan segala larangannya.

Dari kajian yang telah dibuat penulis mendapati seramai
30 peratus dari responden mengatakan bahawa pengertian Islam i-
tu adalah (a), 10 peratus mengatakan (b), 12 peratus mengatakan
(c), 10 peratus lagi mengatakan (a), (c) dan (d) demikian juga
10 peratus mengatakan (b), (c) dan (e), manakala 18 peratus menga-
takan (a), (c), (d) dan (e).

Menyentuh tentang bentuk-bentuk aktiviti keislaman yang
diikuti oleh masyarakat FELDA Tenang ianya meliputi kelas memba-
ca qasin, kelas Al Quran dan Tajwid, kelas ceramah agama
serta kursus kesedaran dan kefahaman Islam.

...mengikuti kajian...
...kegiatan...
...mengetahui...
...dari...
...dan sebagainya...
...dalam...
...lebih...
...pengetahuan...
...di dunia ini.

Pentang aktiviti-aktiviti lain antaranya 10 peratus respon...
...pernah mengikutinya terutama kelas Al Quran dan Taj...
...kelas membaca yasin kerana ianya sering diadakan...
...gilir-gilir mengikut blok-blok yang telah ditentukan. Me...
...aktiviti berbentuk kursus kesedaran dan kefahaman Islam...
...sama diikuti oleh penduduk Felda terutama golongan...
...dan beliawanis. Misalnya kursus kefahaman dan kekeluargaan...
...yang pernah dianjurkan oleh Persatuan Belia Felda di mana...
...ini didedahkan dengan berbagai perkara mengenai soal-soal...
...keluarga, cara-cara membentuk keluarga bahagia, tanggungjawab...
...suami-isteri dan sebagainya. Dengan menghadiri kursus se...
...ini mereka memperolehi pengetahuan, pengalaman dan keterbu...
...fikiran tentang persoalan-persoalan yang menjadi masalah m...
...terhadap Islam.

Melalui kursus ini juga mereka didedahkan dengan peruan-

pendidikan lain yang ada selain dengan kegiatan di perguruan tinggi. Ada juga diadabkan oleh pemerintah yang di antara itu sebagai perlakuan terhadap pembalasan atas kegiatan yang ada. Dengan itu belia-belia tersebut dapat memahami tentang alasan yang dihadapi, buhar hanya melihat dan menerima sebagai hanya sebarang cabutan dan kesedaran yang wujud terha-
pura Islam.

Dari kajian yang dilakukan mengenai perkara tersebut pesu-
luga mengemukakan sebab atau alasan mereka yang teringat un-
tuk mengikuti aktiviti keislaman yang dijalankan. Sebanyak 66 pe-
serta responden memberi alasan-alasan yang berbagai-bagai.
Banyak ialah kerana aktiviti yang diadakan itu dapat menambah
pengetahuan mengenai Islam, di samping untuk mengeratkan lagi
hubungan di kalangan masyarakat dimana mereka dapat bertemu satu
sama lain. Ada juga responden yang memberi alasan kerana
ingin kejayaan hidup di dunia dan akhirat di samping menilai
kekuatan dan kelemahan diri terhadap pengetahuan mengenai Is-
lam. Setengah pendapat lain mengatakan bahawa aktiviti tersebut
adalah satu perkara penting bagi kehidupan seseorang individu
untuk mencapai kesejahteraan hidup. Pendapat berikutnya pula me-
nyatakan ianya sesuai dengan tuntutan Al Quran dan Sunnah dan se-
banyak banyak perkara yang mereka dapat pelajari dari aktiviti-
tersebut. Ianya amat penting untuk menambahkan dan mengu-
atkan pengetahuan seseorang terhadap ajaran Islam. Manakala yang
lainnya iaitu sebanyak 34 peratus tidak pula menyatakan ala-
sannya.

Dari kajian mengenai perkara ini penulis dapat membuat kesimpulan bahawa keburluhan pendatang Felda. Dengan semua kerajinan aktiviti berbentuk keislaman dan keagamaan yang diadakan di tempat tinggal mereka bagi mempromosi kefahaman Islam kepada mereka. Ini berdasarkan kepada sambutan yang ditunjukkan oleh masyarakat terhadap aktiviti yang dijalankan walaupun dalam bentuk yang sederhana. Apa yang penting mereka ini menaruh minat yang mendalam untuk meningkatkan kefahaman dan mempelajari Islam dengan menggunakan bahasa masing-masing.

Penulis juga tidak ketinggalan menyeroni tentang sikap yang ditunjukkan oleh masyarakat Felda terhadap aktiviti keislaman. Apakah mereka amat berminat, sekadar berminat, kurang berminat atau tidak berminat langsung dengan mengemukakan alasan-alasan tertentu. Penulis dapat mengemukakan data sebagaimana berikut:

| Sikap masyarakat Peneroka | Jumlah Responden | Peratus |
|---------------------------|------------------|---------|
| Sangat Minat | 20 | 40 |
| Berminat | 30 | 60 |
| Kurang Minat | Tiada | Tiada |
| Tidak Minat | Tiada | Tiada |

Antara alasan yang dikemukakan oleh responden yang sangat berminat mengikuti aktiviti keislaman ialah semua aktiviti yang

...dapat memberi kesedaran yang mendalam untuk memberi ke-
...Taula, di samping membolehkan para untuk mendalami la-
...juga yang memberi sebab mengenai keberangan dan kelengkapan
...terhadap ajaran Islam itu sendiri, terutamanya kerana segala
...ajaran yang disampaikan melalui aktiviti pembelajaran tersebut di-
...ditanggapi dengan jelas kepada persoalan yang dihadapi
...mereka ini diberi peluang untuk mengemukakan pandangan
...terhadap sesuatu kemasykilan. Justeru itu menyebabkan
...sangat berminat terhadap aktiviti yang dijalankan.

Selain dari itu aktiviti tersebut dengan segala manfaatnya
...menjadi panduan hidup manusia di dunia dan akhirat. Ada juga
...mengatakan bahawa pengetahuan yang sedia ada mengenai Islam
...tidak cukup dan belum mencukupi serta amat sedikit sekali. Da-
...mengemukakan alasan terhadap sikap sangat berminat ini hanya
...dari responden tidak menyatakan alasan mereka.

Tentang mereka yang hanya berminat mengikuti aktiviti yang
...dijalankan iaitu sebanyak 60 peratus, berbagai alasan telah dite-
...Antara lain penulis dapat menyimpulkan bahawa ianya pen-
...untuk menambahkan ilmu pengetahuan agama di samping kekehu-
...peluang dan kesempatan masa. Ada juga yang memberi alasan bi-
...sekadar berminat sahaja ianya penting untuk menghalang se-
...individu daripada menghabiskan masa dengan perkara-perka-
...yang sia-sia, ada baiknya mereka mengikuti aktiviti Islam yang
...dijalankan.

Kebanyakan mereka memberi alasan yang hampir sama dengan

dan mereka yang sangat meminati aktiviti tersebut iaitu dapat
meningkatkan ilmu pengetahuan ialah bagi menggerakkan perintah dan
ketetapan Allah dengan lebih baik lagi sempurna dengan meninggalkan
sua larangan-laranganNya. Ada juga yang menyatakan alasan bagi
mereka meminati aktiviti -aktiviti ini juga banyak mendapat-
faedah kepada seseorang individu tetapi tidak pula dinyata-
kan faedah-faedah yang dimaksudkan itu. Di samping itu ia juga penting
untuk menambahkan keinsafan dan kesedaran diri tentang tujuan hi-
mah yang sebenar sebagai seorang insan yang sentiasa mengabdikan
dirinya kepada Allah Taala. Dalam hal ini sebanyak 10 peratus in-
terresponden tidak memberikan alasan mereka terhadap sikap bermi-
nati mereka itu.

Dalam masalah sikap masyarakat peneroka terhadap aktiviti
keislaman penulis dapat merumuskan bahawa kesemua mereka ini me-
nyatakan sikap yang positif dan boleh dikatakan agak menggalak-
kan kerana mereka sangat berminat dan sekadar berminat mengikuti
Nya. Tidak seorangpun di kalangan responden yang diselidiki menyu-
takan mereka kurang berminat dan tidak berminat langsung. Ini me-
nyatakan satu perkembangan yang baik dan memberangsangkan kerana
masyarakat peneroka mempunyai kesedaran terhadap kepentingan ak-
tivistik keislaman dalam kehidupan mereka.

Penulis juga turut meneliti tentang faktor-faktor yang
berjaya pendorong kepada minat mereka ini. Dari jumlah responden
yang dikaji sebanyak 80 peratus memberi alasan berdasarkan fako-
tor kesedaran diri sendiri serta kekurangan pengetahuan tentang

Islam. Kedua-dua faktor ini merupakan faktor utama mereka memina-
n aktiviti tersebut seterusnya mengikuti dan menghadirinya.

Menyentuh tentang kekerapan masa yang diambil oleh pere-
ka untuk mengikuti aktiviti keislaman serta pandangan mengenai-
nya, sebanyak 32 peratus menyatakan mereka kadang-kadang sahaja
mengikutinya manakala 28 peratus mengatakan selalu mengikutinya.
Penulis merasakan bahawa perkara ini merupakan suatu yang mengga-
hikan kerana tiada seorangpun di kalangan masyarakat peneroka
yang diselidiki tidak pernah tidak mengikutinya. Ini adalah suatu
yang memberangsangkan walaupun masyarakat peneroka sentiasa si-
tan dengan pekerjaan masing-masing, namun mereka tidak pernah me-
rakatkan peluang yang amat baik itu. Manakala soalan yang dikemu-
jukan oleh penulis bertanyakan apakah mereka ini tidak berkesem-
patan untuk mengikuti aktiviti keislaman yang diadakan serta ala-
mudalasannya sekali jika ada nampaknya tidak diisi oleh respon-
sif kerana mereka semua berkesempatan dalam hal tersebut meski-
pun tidak sepenuhnya.

Di samping itu keseluruhan masyarakat peneroka menyatakan
pandangan mereka bahawa ianya sangat baik dan baik, sedangkan ti-
da seorangpun mengatakan ianya kurang baik atau tidak baik. Ini
menunjukkan bahawa aktiviti-aktiviti ini adalah suatu yang pen-
ting dan amat baik diikuti oleh seseorang individu muslim yang
mendintai Islam dengan faedah-faedah yang terkandung di dalamnya
terutama untuk memberi kefahaman tentang Islam.

Berhubung dengan 'respond' atau maklumbalas masyarakat pe

dan Felda Tenang Besut terhadap aktiviti keislaman yang di-
ikuti sebanyak 70 peratus mengatakan mereka terus menerima dan
bersedia mengikutinya sementara 24 peratus mengatakan bahawa me-
reka berfikir dua kali untuk mengikutinya. Dari kedua-dua keada-
an ini, penulis membuat analisa bahawa ianya mempunyai alasan-a-
lasan yang berbeza. Penulis dapat mengatakan bahawa sikap pertama
yang ditunjukkan itu disebabkan oleh keinginan yang mendalam ter-
hadap ajaran Islam tanpa merasa ragu tentang keaslian dan kebenar-
annya yang tidak boleh diatasi oleh agama-agama Samawi yang la-
in. Dalam hal ini masyarakat peneroka amat memerlukan bimbingan
terhadap ajaran Islam yang sebenarnya tanpa wujud sebarang kekeliruan
sehingga mereka terus menerima dan bersedia mengikutinya.

Keadaan kedua yang berlaku iaitu berfikir dua kali untuk
mengikutinya telah dinyatakan oleh 24 peratus responden. Faktor
yang menyebabkan berlakunya keadaan ini ada kemungkinan mereka
merasakan ianya tidak dapat menarik minat mereka ataupun disebab-
kan oleh tiadanya kesedaran diri terhadap pentingnya ajaran Islam
tersebut ataupun mereka ini mempunyai banyak tugas-tugas lain
yang perlu diselesaikan sedangkan dalam masa yang sama mereka
hendak menghadiri aktiviti keislaman yang diadakan. Alasan
lain yang dikemukakan ialah kesibukan rumahtangga yang tidak da-
pat dihalang. Ini semua boleh menyebabkan mereka berfikir dua ka-
li untuk mengikutinya.

Dalam hal ini penulis merasakan bahawa keseluruhan pendu-
k Felda Tenang rata-ratanya bersedia untuk menerima dan seter-

mereka mengikuti aktiviti yang dilakukan dengan penuh rasa kepedulian dan tanggungjawab biarpun mereka terpaksa berfikir dua kali untuk berbuat demikian. Apa yang penting ialah keinginan dan kehendak mereka itu tetap ada. Ini merupakan suatu yang menggalakkan kerana melalui kajian yang dilakukan penulis mendapati tidak sesungguh di kalangan mereka yang memberi alasan cuba mengelakkan diri dari aktiviti tersebut biarpun masa dan keadaan mengizinkan mereka berbuat demikian. Begitu juga tidak ada di kalangan mereka yang tidak mempunyai minat langsung dan menganggapnya adalah suatu yang sia-sia dan membuang masa.

Ini menunjukkan bahawa masyarakat peneroka amat menentingkan aktiviti keislaman yang dijalankan dari masa ke semasa bagi memastikan ajaran Islam diperluaskan, difahami dan dipraktikkan sebaik mungkin dalam kehidupan seharian. Dengan itu ajaran Islam semestinya amat penting dalam kehidupan masyarakat FELDA demi menjamin sebuah kehidupan yang harmonis dan sejahtera sesuai dengan peraturan-peraturan Islam yang sebenarnya.

Mengenai dari mana atau sumber-sumber utama para peneroka memperoleh pengetahuan mengenai Islam sebanyak 22 peratus memberi jawapan bahawa mereka mendapatkannya dari semua sumber yang dikemukakan oleh penulis seperti sekolah, masjid, ceramah-ceramah agama, ibubapa dan keluarga, tulisan-tulisan di akhbar dan majalah dan seterusnya. Di samping itu ada juga yang menambahnya iaitu melalui kursus-kursus kesedaran dan kefahaman Islam, usrah serta majlis-majlis ilmu yang lain seperti Majlis Mauludirrasul, Majlis syura, majlis agama dan sebagainya.

Begaimanapun sebanyak 16 peratus dari mereka ini hanya sahaja bersetuju bahawa mereka mendapatkan pengetahuan agama dari beberapa sumber sahaja seperti sekolah, masjid, ceramah-ceramah agama, ibadat keluarga serta hasil pembacaan buku-buku agama. Malah 16 peratus darinya mengemukakan hanya satu sumber sahaja mereka mendapatkan pengetahuan agama iaitu melalui sekolah, terasuk juga masjid, tulisan dari akhbar dan majalah serta ceramah agama.

Dalam hal ini penulis dapat merumuskan bahawa keseluruhan penduduk Felda Tenang ini sentiasa berusaha untuk mendalami dan meningkatkan kefahaman Islam mereka dengan cara mendapatkan berbagai-bagai sumber biarpun secara jelas ianya berbeza antara satu dengan lain. Apa yang jelas, biarpun mereka ini sentiasa sibuk dengan tugas-tugas seharian namun mereka masih tidak lupa untuk meluangkan masa bagi menambahkan pengetahuan mengenai Islam.

ii. Pandangan Masyarakat Perneroka tentang Pengertian Ibadah

Dalam menjalankan kajian mengenai tajuk kertas projek ini penulis tidak ketinggalan membicarakan pandangan masyarakat perneroka tentang pengertian ibadah lantaran ianya mempunyai hubungkait yang rapat dengan ajaran Islam dan pengamalannya dalam kehidupan harian. Penulis dapat merumuskan pandangan mereka sebagaimana berikut:

| Pengertian Ibadah Menurut Islam | Peratus Pandangan Responden |
|---------------------------------|-----------------------------|
| 1. Cara hidup menurut Islam | 16 |

| | |
|--|-----------|
| 2. Amalan mengerjakan sembahyang dan semua perkara wajib yang ditentukan oleh Allah. | 0 |
| 3. Mengerjakan segala perintah Allah dengan ikhlas dan menolak sebarang kemungkaran. | 30 |
| 4. Pengabdian yang penuh kepada Allah Taala dalam semua aspek hidup. | 30 |
| 5. Mengikut dan mematuhi segala perintah Allah dan sunnah Rasulullah S.A.W. | 0 |
| JUMLAH | 96 |

Manakala peratus selebihnya iaitu sebanyak 32 peratus responden memberikan bahawa semua jawapan berikut sebagai pengertian ibadah sementara 12 peratus yang lain tidak memberi jawapan langsung.

Dalam soal ini penulis dapat membuat analisa bahawa para responden mempunyai pandangan yang berbeza tentang pengertian ibadah yang sebenarnya walaupun ibadah itu sering diucapkan oleh mereka setiap hari. Ini mungkin disebabkan mereka tidak mempunyai pengetahuan yang khusus, cuma apa yang mereka tahu hanyalah melambatkan ibadah sebagai satu kewajipan yang tidak boleh diabaikan sesekali untuk mengabdikan diri kepada Allah Taala selaku seorang hamba yang patuh dan taat kepada segala perintah dan suruannya biarpun tidak mengetahui tentang pengertian ibadah secara khusus.

Walaupun begitu ada juga di kalangan mereka memberi jawapan yang tepat iaitu pengabdian yang penuh kepada Allah Taala di semua aspek hidup. Dengan itu penulis dapat merumuskan bahawa kebanyakannya penduduk atau masyarakat pemeroka Feida Tenang itu, cuma sebilangan kecil sahaja yang mengetahui tentang pengabdian kepada Tuhan yang sebenarnya manakala yang lainnya memberi jawapan yang berbeza dan ada juga yang tidak memberi jawapan apa-apa.

Menyentuh tentang kepentingan ibadah bagi seseorang individu, penulis dapat merumuskan bahawa sebanyak 40 peratus masyarakat Feida Tenang memberi jawapan yang tepat iaitu pengabdian kepada Allah Taala dengan penuh keedaran dan rendah diri sebagai pengabdian yang wajib ditunaikan terhadap Allah Taala sebagai Tuhan yang hidup di bawah kekuasaanNya. Manakala yang selebihnya ada yang memberi jawapan bahawa ibadah itu sebagai sesuatu tuntutan agama semata-mata yang menjadi kewajiban utama setiap manusia yang semestinya mengabdikan diri kepada Allah sepanjang masa tanpa mengira tempat. Ada juga di kalangan mereka yang tidak memberi jawapan langsung dan tidak seoranganpun mengatakan bahawa ianya sekadar tugas seharian seseorang individu yang mesti dilakukan sebagaimana tugas-tugas lain.

Selain dari itu penulis juga mengaitkan pengamalannya terhadap hukum berdakwan kerana ianya mempunyai kaitan dengan dengan aktiviti keislaman yang dijalankan. Sememangnya tujuan pelaksanaan segala aktiviti-aktiviti itu adalah untuk mengembang dan memajukan Islam dan menyeru masyarakat supaya sentiasa mempraktikkan

keislaman dalam kehidupan.

Dari kajian tersebut keseluruhan responden yang diteliti menyatakan bahawa hukum berdakwah itu adalah fardhu ain yang wajib bagi setiap muslimin yang berkemampuan memenuhkannya. Mereka telah memberi alasan yang hampir sama iaitu setiap orang yang bertanggungjawab menyera dan mengarahkan hidup mereka ke arah yang di redhai oleh Allah Taala. Dari sini penulis dapat membuat kesimpulan bahawa keseluruhan masyarakat peneroka Felda sangat hebat mengetahui tentang betapa pentingnya seseorang itu membuat seruan dakwah untuk mengamalkan ajaran Islam sebaik mungkin.

Mengenai cara berdakwah yang paling berkesan kebanyakan responden ini memberi jawapan yang berlainan. Lebih 50 peratus berpendapatanya melalui ceramah-ceramah agama manakala yang lainnya menggunakan cara tersebut melalui persatuan, hubungan peribadi dan sebagainya. Sememangnya dakwah itu memerlukan cara-cara tertentu untuk menjamin perkembangan dan perluasannya di kalangan masyarakat. Penulis juga mengaitkan bahawa aktiviti keislaman yang dijalankan itu adalah bertujuan untuk berdakwah dan bertamadun pendapat masyarakat peneroka mengenainya.

Kesemua responden memberikan jawapan bahawa mereka berpegang dengan perkara tersebut serta menggunakan berbagai alasan. Antaranya ialah bahawa dakwah amat penting untuk menarik seseorang individu kepada suasana hidup yang lebih baik dan diridhai Allah dalam setiap sikap dan perlakuan mereka. Ada juga yang

diatakan bahawa dakwah itu amat perlu untuk menyatukan seluruh masyarakat FELDA Tenang yang mana mereka ini datangnye dari/tepat di sana daerah yang berlainan untuk hidup secara terjarasah dan yang hormat-menghormati antara satu sama lain. Dengan itu akan dibentuklah sebuah masyarakat Islam yang berada di bawah dasar-dasar dan prinsip-prinsip hidup menurut Islam yang sebenarnya. Ia amat penting untuk memberi keinsafan kepada seseorang individu untuk ke arah mendekati diri kepada Allah Taala. Di samping itu juga juga menyentuh bahawa aktiviti keislaman tersebut juga ke arah manusia ke arah kebaikan dan menghindari kejahatan. Ia juga akan menimbulkan dan melahirkan rasa ketakwaan serta memberi keinsafan tentang tanggungjawab manusia terhadap Allah, agama, masyarakat dan diri sendiri.

Usaha-usaha tersebut juga adalah untuk menarik minat masyarakat peneroka supaya mendalami ajaran Islam secara yang lebih mendalam. Ada juga di kalangan responden telah menyatakan bahawa mereka bersetuju dengan perkara di atas, tetapi tidak pula menyenangi alasan-alasannya. Keadaan ini disebabkan oleh sikap mereka yang tidak memahami secara jelas tentang pengertian dakwah serta tujuan-tujuan dan kepentingannya yang dikaitkan dengan aktiviti keislaman yang dijalankan di tempat mereka.

Menyentuh tentang bagaimana sikap atau reaksi penerimaan masyarakat peneroka terhadap aktiviti keislaman yang dijalankan. Jawapan dari responden memberi jawapan bahawa mereka mengikut sepenuhnya setiap program yang dijalankan dan sebahagian yang mengikutinya sekali-sekala. Tidak sebarang di kalangan

yang mengikutinya jika ada 'mood', begitu juga mereka yang tidak berminat langsung. Ini menunjukkan bahawa masyarakat peneroka keseluruhannya amat mengambil berat terhadap kepentingan aktiviti-aktiviti keislaman yang bertujuan untuk memberi keedaran pada seseorang individu seterusnya masyarakat keseluruhannya. Meski pun mereka ini tidak dapat mengikuti sepenuhnya aktiviti yang dijalankan, namun mereka masih terpeluang dan tetap mengikutinya walaupun sekali-sekala.

4. PESAN-KESAN AKTIVITI KEISLAMAN DALAM KEHIDUPAN MASYARAKAT PENEROKA

Dalam membicarakan tentang aktiviti keislaman yang penting diadakan dari masa ke semasa penulis turut sama membincangkan tentang kesan atau implikasinya samada positif atau negatif terhadap dalam mempengaruhi kehidupan masyarakat.

Berhubung dengan persoalan ini keseluruhan responden menanggapi bahawa ianya memberi kesan yang positif dengan menyatakan alasan masing-masing. Antara alasan-alasan yang dikemukakan ialah sedikit sebanyak ianya memberi pengajaran kepada diri dan keluarga, menyedar dan meyakinkan diri tentang keberadaan Allah Taala dan mencari keredhaan dan keberkatanNya demi mewujudkan kehidupan yang baik dan sempurna, dapat meningkatkan amalan dan ibadat kepada Allah dari masa ke semasa, memberi pengajaran dan bimbingan tentang cara hidup yang diamalkan oleh Islam secara terarah, dapat menambahkan lagi ilmu pengetahuan tentang Islam seterusnya memperbaiki diri, menolong dan membantu seseorang individu

...sangat bagi mengerjakan segala urusan Allah dengan lebih ta-
...sah sempurna, dapat memberi kesedaran dan petunjuk ke jalan
...sah benar dan lurus seterusnya menghayati Islam dalam kehidupan

...AKTIVITI KEISLAMAN DAN HUBUNGANNYA DENGAN USAHA BERDAKWAH

Menyentuh tentang hubungan aktiviti Islam dengan usaha ber-
...sah kepada masyarakat peneroka setengah responden mengakui ba-
...sah antara keduanya mempunyai hubungkait yang rapat. Sebenarnya -
...sah aktiviti-aktiviti tersebut dijalankan adalah amat bertepatan
...sah dengan usaha berdakwah yang ingin diperkembangkan di kala
...sah masyarakat. Antara alasan yang dikemukakan ialah kerana dak-
...sah itu memberi pengetahuan agama, dan seruan yang disampaikan itu
...sah ialah menyeluruh tidak hanya tertentu kepada seseorang individu
...sah.

Ini amat berseesuaian sekali dengan sasaran dakwah yang di-
...sah dalam Islam. Terdapat juga responden yang mengatakan ba-
...sah usaha menjalankan aktiviti keislaman itu tidak berkaitan dan
...sah bertepatan dengan usaha berdakwah. Alasan yang dinyatakan
...sah mereka ialah bahawasanya usaha-usaha yang dijalankan itu ter-
...sah pada umum, tidak begitu mendalam. Terdapat juga alasan yang menye-
...sah bahawa aktiviti keislaman yang dijalankan adalah secara ring-
...sah tanpa menerangkan asas-asasnya.

Dalam membicarakan tentang keperluan aktiviti tersebut ke-
...sah masyarakat peneroka, apakah ianya mencukupi atau tidak dalam
...sah untuk meningkatkan lagi pengetahuan dan kefahaman masyarakat

tentang Islam. Secara umumnya penulis mendapati bahawa kesemua responden mengatakan bahawa ianya perlu ditambah, dipertingkatkan dan diperbanyakkan lagi untuk melahirkan para peneroka Felda yang berpengetahuan tinggi serta menambahkan lagi kefahaman masyarakat tentang Islam.

Dari sini penulis dapat menyimpulkan bahawa keseluruhan masyarakat peneroka sentiasa mengharapkan bimbingan dan tunjuk ajar terutama apabila melihat kepada keperluan dan kepentingannya, seterusnya untuk diamalkan dengan sebaik-baiknya dalam masyarakat. Bimbingan aktiviti tersebut sentiasa diadakan namun ianya perlu diperbanyakkan lagi. Ini menunjukkan bahawa masyarakat peneroka memperlihatkan rasa kecintaan mereka yang mendalam terhadap Islam itu sendiri. Dengan itu penulis dapat merumuskan bahawa masyarakat peneroka masih dan sentiasa memerlukan bimbingan serta tunjuk ajar yang benar untuk mempelajari Islam seterusnya mengamalkannya dalam kehidupan bermasyarakat. Sememangnya prinsip dan peraturan Islam mestilah sentiasa diamalkan dan dipertingkatkan pengetahuan mengenainya dari masa ke masa.

3. SIKAP PENEROKA TERHADAP KEPENTINGAN PENDIDIKAN ISLAM ANAK-ANAK

Berhubung dengan perkara ini hampir keseluruhan masyarakat peneroka Felda Tenang Besut khususnya mengakui bahawa mereka tidak sekali-kali cuba mengabaikan pendidikan Islam anak-anak mereka sejak kecil lagi. Hal ini amat sesuai sekali dengan apa yang diperhendaki dan dituntut oleh ajaran Islam bahawa setiap ibubapa bertanggungjawab memberi didikan agama kepada anak-anak supaya

menjadi anak yang soleh dan dapat memberi manfaat kepada mereka di dunia dan akhirat. Rasulullah S.A.W bersabda yang maksudnya:

"Dosa yang paling besar yang akan menimpa ibubapa di akhirat nanti ialah dosa membiarkan anak-anak mereka jahil dan buta agama"

Dengan memberi pendidikan agama yang cukup, pengajaran Al Quran dan adab sopan Islam anak-anak akan dapat¹⁰ menghadapi cuba dan bala dan menyelamatkan dirinya dari terjerumus ke dalam berbagai kegiatan jahat yang membawa kepada keruntuhan akhlak¹¹.

Apa yang diberi keutamaan oleh mereka dalam masalah ini adalah dari seramai 50 orang responden yang diselidiki hampir 99 peratus daripada mereka mengatakan bahawa mereka sentiasa menyayangi dan menggalakkan anak-anak mereka dengan memberi nasihat yang baik tentang betapa pentingnya mempelajari dan mendalami pengetahuan Islam dalam kehidupan. Dengan adanya aktiviti-aktiviti keislaman yang dijalankan merupakan cara terbaik diikuti bagi meningkatkan pengetahuan Islam selain daripada mendapat pendidikan agama Islam dari ibubapa sendiri di rumah. Mengenai pendidikan Islam terhadap anak-anak di rumah khususnya mengaji Al Quran sebagai asas yang teguh dalam diri sebagai seorang individu muslim yang sentiasa mengabdikan diri kepada Allah, selain dari pengajaran dan-pengajaran Islam yang lain.

Sikap yang ditunjukkan oleh masyarakat peneroka FELDA

⁹ Mohd. Hashim bin Hj. Yahya, Tanggungjawab Ibubapa dan Anak Menurut Islam, Cetakan Ketiga, Dewan Pustaka Fajar, 1987, hal. 33.

¹⁰ Ibid. hal. 34.

adalah satu contoh yang baik kerana kebanyakan mereka biarpun sibuk dengan kerja-kerja seharian, namun mereka sempat meluangkan masa untuk mengajar sendiri anak-anak mereka mengaji Al Quran. Bagi mereka yang tidak berkesempatan atau tidak berkemampuan berbuat demikian kebanyakannya menghantar anak-anak mereka ke rumah ustazguru Al Quran untuk diajar dan dibimbing. Mereka tidak mahu anak-anak mereka terbiar begitu sahaja tanpa bimbingan dan didikan yang baik.

Kesimpulan penulis dalam persoalan ini ialah masyarakat pemeroka Felda telah mengambil satu inisiatif yang baik dengan memberi perhatian utama dalam menekankan pendidikan agama terhadap anak-anak mereka kerana ia adalah satu perkara penting dan menjadi teras kepada pembangunan insaniah anak-anak bagi memelihara keperibadian yang mulia.

Tentang pendidikan agama anak-anak mereka yang diterima di sekolah pula, apakah ianya mencukupi atau sebaliknya. Keseluruhan responden mengatakan bahawa ianya tidak mencukupi kerana banyak perkara yang tidak dapat diajar dengan lebih lengkap dan sempurna, disebabkan waktu pembelajaran yang terhad dan singkat. Selain daripada itu pendidikan agama yang terdapat di sekolah juga terlalu bergantung kepada sukatan pelajaran dan ajarannya yang menyeluruh. Ini boleh menyebabkan pengetahuan anak-anak terhadap agama terbatas kepada soal-soal tertentu sahaja sedangkan di satu aspek lain ia memerlukan penerangan yang lebih jelas terhadap sesuatu perkara.

Justeru itulah para masyarakat peneroka harus bertanggung jawab dan memainkan peranan penting untuk menambahkan lagi pengetahuan Islam anak-anak mereka di rumah. Kelapangan dan peluang untuk mempelajari agama di rumah juga adalah lebih luas atau lebih banyak masanya serta lebih terbuka jika dibandingkan dengan keadaan di sekolah. Dengan itu masa lapang anak-anak di rumah kurang dihabiskan kepada perkara-perkara yang tidak mendatangkan faedah.

Dalam hubungan ini penulis dapat membuat kesimpulan bahawa ibubapa tidak seharusnya menyerahkan tanggungjawab untuk mendidik anak-anak dengan bekalan agama kepada guru-guru di sekolah semata-mata tetapi hendaklah sentiasa bekerjasama dalam hal demikian sikap sebegini adalah suatu yang menggalakkan.

IV. HUBUNGAN SOSIAL MASYARAKAT PENEROKA

Sebenarnya Islam telah mengatur perhubungan di kalangan manusia antara satu sama lain.¹² Dan perundangan Islam sendiri mempunyai matlamat sosial yang mesti dilaksanakan dalam semua anggota masyarakat. Adalah menjadi matlamatnya untuk melahirkan sebuah masyarakat yang sempurna yang merangkumi keluarga dan kemanusiaan antara keseluruhannya samada dekat atau jauh. Matlamat ini dilaksanakan dengan mendidik seorang muslim supaya menjadi seorang anggota masyarakat.¹³

Begitu juga dengan kehidupan masyarakat peneroka di sesebuah

¹¹ Muhamad Abu Zahrah, Terjemahan Osman Hj. Khalid, Penyusunan Masyarakat Dalam Islam, Edisi Pertama, Persatuan Bekas Mahasiswa Timur Tengah, 1981, hal. 22.

¹² Ibid. hal. 24.

Manah rancangan Felda hendaklah sentiasa mengutamakan hubungan dengan mereka sesuai dengan kehendak Islam. Dalam membicarakan per-
salahan ini penulis cuba meninjau tentang hubungan sosial yang di-
lakukan oleh masyarakat peneroka Felda, apakah ianya menepati de-
sar-darajaran Islam atau sebaliknya. Dalam hal ini penulis membuat
kajian mengenai hubungan kejiiran masyarakat peneroka. Agama Islam
sangat memandang berat terhadap masalah kejiiran di kalangan
masyarakat Islam khususnya dan umat manusia seluruhnya.

Dari kajian penulis keseluruhan peneroka mengakui bahawa
hubungan mereka dengan jiran tetangga adalah sangat baik dan baik
lagi. Tiada seorangpun responden yang mengatakan ianya kurang
baik atau tidak baik langsung. Ini bertepatan sekali dengan apa
yang dikehendaki oleh Islam iaitu ia memberi perhatian lebih ke-
pada menjamin hubungan yang baik dan harmoni di kalangan anggota
masyarakat. Demikian juga Islam menganjurkan umatnya agar menge-
lakkan diri dari sebarang perkara yang boleh mencetuskan perasa-
an kurang senang sesama jiran seperti sikap mementingkan diri
sendiri tanpa memperdulikan kabajikan orang lain.

Tegasnya penulis dapat merumuskan bahawa meskipun para pe-
nanya datang dari berbagai tempat yang berlainan, tetapi setelah
mereka hidup bersama dalam sebuah masyarakat yang lebih dikenali
sebagai masyarakat Felda, secara tidak langsung mereka dapat me-
nyuaikan diri dengan suasana yang ada seterusnya menjalin hu-
bungan baik sesama mereka tanpa sebarang perselisihan dan per-
pelembaan antara jiran tetangga.

Dalam hubungan ini penulis juga mengkaji tentang keadaan sikap masyarakat peneroka dengan menyentuh tentang sikap atau reaksi mereka apabila melihat salah seorang dari anggota masyarakatnya mengalami kesusahan hidup. Berdasarkan kajian penulis, sebanyak 36 peratus responden mengatakan mereka cuba berusaha untuk membantu sesiapa sahaja yang terlibat dengan memberi bantuan moral dan material. Sementara 30 peratus dari mereka ini memberi jawapan bahawa mereka sekadar dapat menasihatinya supaya berpegang dalam menghadapi dugaan dan ujian dari Allah Taala. Manakala yang selebihnya iaitu sebanyak 34 peratus lagi mengakui bahawa mereka cuba membantu dan meringankan beban yang ditanggung oleh saudara mereka dengan kedua-dua cara yang tersebut di atas. Tiada seorangpun di kalangan masyarakat peneroka yang hanya sekadar menaruh simpati sahaja tanpa sebarang tindakbalas terhadap kesusahan yang dialami oleh orang lain, demikian juga dengan sikap tidak mempedulikan langsung ataupun hanya ketawa melihat kesusahan orang lain.

Ini menunjukkan bahawa masyarakat peneroka sentiasa memikul berat terhadap masalah dan kesusahan hidup yang dihadapi oleh orang lain tanpa adanya sikap mementingkan diri sendiri, sebaliknya mereka menganggap bahawa hidup bermasyarakat yang saling bantu-membantu dan bekerjasama antara sesama sendiri adalah satu sikap yang seharusnya diamalkan untuk menjamin keharmonian dan kesejahteraan hidup di samping mengukuhkan lagi persefahaman sesama Islam.

Dalam hubungan ini penulis juga mengkaji tentang sikap yang ditunjukkan oleh masyarakat Felda terhadap orang-orang di sekeliling mereka terutama apabila berlaku sesuatu kemungkaran atau kejahatan yang boleh menjejaskan kedamaian dan ketenteraman yang ada dalam suasana hidup bermasyarakat.

Sebanyak 36 peratus dari responden mengatakan bahawa mereka sanggup berdaya menasihati orang yang melakukan kemungkaran atau supaya berhenti atau meninggalkannya. Manakala sebanyak 36 peratus yang lain juga menyatakan bahawa mereka berusaha sedaya upaya untuk bertindak menghapuskan kemungkaran tersebut dengan menggunakan kemampuan yang ada. Sebanyak 28 peratus lagi mengatakan bahawa daripada kedua-dua cara di atas mereka juga mengambil inisiatif lain yang dikira lebih baik iaitu dengan bertindak melapor kepada pihak berwajib supaya ianya dapat diselesaikan mengikut undang-undang dan peraturan yang telah ditetapkan. Selain dari itu terdapat juga responden yang merasa marah dan membenci perbuatan tersebut.

Dalam hal ini penulis menganggap bahawa masyarakat penero Felda amat memberi perhatian dan mengambil berat terhadap keselamatan hidup bermasyarakat dengan menunjukkan sikap negatif terhadap apa saja yang bertentangan dengan norma-norma hidup dan naluri manusia kerana tiada seorangpun dari responden yang hanya berdiam diri ataupun membiarkan sahaja ianya berlaku dan berleluasa dalam masyarakat sehingga boleh mengganggu ketenteraman dan kebahagiaan hidup seluruhnya.

7. KEFAHAMAN ISLAM MASYARAKAT PENEROKA

Penulis tidak dapat membuat penilaian khusus terhadap sejauhmanakah tahap kefahaman Islam di kalangan masyarakat penerok. Dalam hal ini penulis hanya dapat mengemukakan persoalan apakah mereka ini berusaha untuk meningkatkan kefahaman Islam da diri masing-masing sebagai satu pegangan yang jitu dan utuh, ataupun sekadar berdiam diri cukup dengan apa yang ada biar pun pada hakikatnya ia memerlukan banyak inisiatif dalam hal ini. Se- orang responden mengatakan bahawa mereka sedang berusaha ke arah tersebut dengan mengemukakan berbagai alasan. Antaranya ialah:

a. Kefahaman Islam merupakan suatu perkara penting bagi se- orang individu muslim sebagai teras dan tunjang diri dalam ke- hidupan.

b. Ianya dapat menjamin kehidupan yang bahagia di dunia dan akhirat.

c. Kekurangan pengetahuan Islam yang sedia ada. Dengan itu ia berusaha meningkatkannya.

d. Ia merupakan satu kewajipan ke atas seseorang indivi- du muslim untuk berusaha dan mencari pengetahuan agama sebanyak mungkin.

e. Timbulnya kesedaran dalam diri untuk menambahkan penge- tahuan dan kefahaman Islam.

f. Ajaran Islam dengan kefahamannya yang sahih merupakan satu cara untuk membentuk keperibadian muslim yang mulia.

g. Islam merupakan cara hidup yang paling baik dan sepu- ra demi menjamin kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat.

h. Ingin mendapat dan memperoleh keredhaan Illahi dalam menjalani kehidupan di dunia dengan segala keberkatalannya.

Penulis juga turut menyentun secara sedikit tentang ibadat sembahyang yang merupakan satu ibadat khusus yang wajib ditunaikan oleh setiap individu muslim dan tidak boleh diabaikan sama sekali. Semua responden mengakui bahawa mereka amat mementingkan ibadat tersebut dengan memberi alasan yang hampir-hampir sama iaitu:

- a. Ia adalah satu kewajipan dan dituntut oleh Allah Taala.
- b. Sembahyang merupakan tiang agama, andainya dirosakkan u...
piscunglah ibadat-ibadat lain.
- c. Dapat mengelakkan diri seseorang dari terjerumus ke leg...
an kejahatan yang boleh membawa kerosakan dan keruntuhan akhlak.
- d. Untuk meletakkan diri seseorang dalam ketenangan serta kebahagiaan rohani dan jasmani.
- e. Menjadikan seseorang itu bertanggungjawab terhadap lela...
di segala kepentingannya.
- f. Melahirkan insan yang bertakwa dan bersyukur terhadap...
nikmat yang dikecapi semasa hidup di dunia.
- g. Membentuk seorang insan yang sentiasa takut kepada niq...
dan azab dari Allah Taala di hari akhirat kelak.
- h. Mengekalkan dan menambahkan keimanan yang sedia ada da...
mengerjakan segala suruhanNya dan menjauhkan segala larangan...
nya.

Penulis juga tidak ketinggalan mendapatkan pandangan mabya

perencana mengenai cadangan mereka untuk meningkatkan lagi aktiviti keislaman yang sedia ada supaya ianya lebih berkesan dan menambahkan lagi minat yang mendalam di kalangan mereka. Keseluruhan penulis mengenai cadangan-cadangan tersebut antara lain adalah :

a. Memperbanyakkan lagi kelas Al Quran dan kelas menghafal dari rumah ke rumah. Ia bermakna ia mestilah kerap diadakan supaya masyarakat sentiasa bertanggungjawab untuk mempraktikkan ajaran tersebut dalam kehidupan seharian.

b. Menambahkan lagi aktiviti berbentuk ceramah agama dan kursus-kursus kefahaman dan keedaran Islam dengan mengundang penceramah yang berkebolehan untuk menarik minat pendengar. Kecekapan seseorang penceramah juga merupakan salah satu faktor utama untuk menarik perhatian masyarakat seterusnya menjayakan lagi aktiviti-aktiviti yang dijalankan.

c. Menentukan atau memastikan semua anggota masyarakat perlu melibatkan diri dalam setiap aktiviti yang diadakan iaitu dengan mencatatkan kehadiran mereka kerana tanpa kerjasama mereka ianya tidak mungkin dapat ditingkatkan.

d. Membekal dan menambahkan guru-guru agama untuk memberi pengajaran Islam kepada masyarakat.

e. Mengatur setiap program dengan lebih sistematik iaitu dengan mengubah jadual yang sedia ada seperti memberi ceramah agama kepada masyarakat sekali dalam sebulan dari satu blok ke blok yang lain dengan memastikan setiap ahli blok berkenaan mengabdikan diri. Dengan jumlah yang sedikit bagi satu kumpulan per-

yang lenya akan lebih berkesan di bagi penerimaan dan iktisad
yang terutama dalam mengemukakan persoalan dan kemungkalan me-
jadi permasalahan agama.

f. Mewajibkan kehadiran dan pemertaan masyarakat pendero-
nya setiap kali diadakan aktiviti-aktiviti tersebut kerana
dengan cara ini mereka akan rasa lebih bertanggungjawab untuk
mendalami Islam seterusnya akan cuba menegakkan tanggungjawab i-
slami pada-masa akan datang.

g. Mengenakan denda atau membuat potongan gaji bagi mere-
ka yang enggan menghadiri aktiviti keislaman yang dijalankan. Ini
adalah bernakna pihak pengeluar atau sekiranya mereka tetapi se-
baiknya untuk menyedarkan tentang kepentingan mempelajari Is-

h. Menggalakkan golongan belia ke masjid dan memberi peng-
ajaran tentang pentingnya mempelajari Islam dalam kehidupan. Ket-
ika sihat supaya mereka ini sentiasa disemai dengan kema-
hutan pintaan ilmu.

i. Kerjasama pihak atasan Felda juga perlu memajukan peng-
ajaran untuk meningkatkan pelaksanaan aktiviti-aktiviti tersebut ke-
pada mereka seharusnya menunjukkan sikap dan contoh yang baik
kepada anggota masyarakat. Dalam hal ini pengurus Felda serta pe-
kerja-pegwainya hendaklah sama-sama menghadirinya bukan hanya
menunjukkan tanggungjawab mendalami Islam itu kepada golongan ma-
asyarakat peneroka sahaja.

j. Mengadakan pertandingan syarahan agama, Tilawah Al Qu-
ran, Masjed dan sebagainya antara para peneroka, penerokakanti

dan juga golongan belia-belia FELDA.

k. Khusus untuk golongan belia, hendaklah ditubuhkan satu sekolah pondok yang mementingkan ajaran Islam dari sudut pengajiannya dan aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan.

l. Merancang dan melaksanakan aktiviti yang bersempalan dengan satu-satu golongan masyarakat berada di kalangan kanak-kanak, belia atau golongan dewasa selaras dengan tahap penerimaan dan kepayaan mereka menerima ajaran Islam yang disampaikan. Dengan perancangan dan pelaksanaan yang sistematik ini akan membangkitkan lagi minat seseorang individu untuk sentiasa menghadiri aktiviti-aktiviti keislaman yang diadakan.

m. Mencari pendekatan terbaik yang boleh menarik minat seseorang anggota masyarakat untuk menyertai aktiviti-aktiviti tersebut seterusnya merasa yakin dengan kepentingan dan faedahnya.

n. Hendaklah sentiasa memberi kesedaran terhadap kepentingan menghadiri aktiviti Islam khususnya dalam masyarakat yang ditubuhkan antara pegawai-pegawai FELDA dengan masyarakat peneroka.

Semua cadangan-cadangan ini seharusnya diambil kira bagi membangkitkan lagi aktiviti keislaman di kalangan masyarakat peneroka agar pelaksanaannya sentiasa berkesan dan berterusan. Dengan demikian masyarakat peneroka akan sentiasa dan bersedia memberi sebarang bantuan dalam usaha menjayakan lagi aktiviti-aktiviti tersebut demi faedah dan kepentingan bersama.

...menteru itu kerjasama yang baik antara semua pihak adalah
yang untuk meneruskan dan melaksanakan tujuan-tujuan yang telah
ditentukan yang dicita-citakan yaitu pembangunan Islam dalam segala
aspek kehidupan di setiap masa dan keadaan.

PENDALAMAN PENULIS TERHADAP AKTIVITI-AKTIVITI KEISLAHAN YANG DILAKUKAN DI FELDA

Begaimanapun hasil yang diperolehi dan didapati dari pe-
nagaan aktiviti-aktiviti keislaman untuk kepentingan hidup sa-
mudrat peneroka di Felde, penulis dapat membuat satu penilaian
yang hanya tidak berkesempurnaan secara keseluruhannya dalam meli-
hat individu muslim yang sebenarnya atau disebut insani al ka-
mil segi keperibadian, jahliah dan tipikalitaknya sebagaimana
dikehendaki oleh Islam kerana belum melihat untuk meneliti
seseorang dalam sebuah masyarakat yang bertamadun ma-
laysia. Ia juga dapat dilihat dari kelemahan aktiviti
keislami yang dikira masih belum menepati di setiap pelaksanaan
dan belum menepati dengan suasana kerja masyarakat peneroka
di mana terdapat setengah-setengah aktiviti terpuat di dalam
yang dilaksanakan pada waktu yang tidak sesuai kerana telah
terjadi gangguan masyarakat terhadapinya. Dari segi organisasi pi-
lanya tidak begitu tersusun dan sistematik menyebabkan su-
kur untuk mencapai apa yang dikehendaki oleh Islam dan tujuan-tu-
annya.

Tetapi apa yang jelas ialah aktiviti-aktiviti keislaman

yang dilaksanakan itu amat penting untuk mewujudkan sebuah masyarakat Felda yang berada di bawah naungan prinsip kehidupan yang berlandaskan Islam. Demikian juga untuk memiliki keperibadian yang mulia dalam segenap tindakan dan perlakuan mereka. Ia sangat penting untuk melahirkan sebuah masyarakat yang bahagia, sejahtera dan harmoni di sepanjang masa dan ketika. Kebahagiaan dan keamanan akan dikecapi bersama tanpa wujudnya sebarang bentuk perlawanan yang boleh menjejaskan suasana kehidupan.

Begitu juga dengan maklumat yang disampaikan melalui aktiviti Islam itu tidaklah begitu menyeluruh dalam semua aspek yang memenuhi dan menampung segala kekarangan yang ada, bahkan apa yang perlu dilihat ialah masyarakat peneroka ini tetap dibekali dengan pengetahuan dan kefahaman mengenai Islam untuk dihidupkan secara berterusan kerana dengan cara ini hanya dapat memperkukuh sikap masyarakat dan sekurang-kurangnya mereka sentiasa mendapat bimbingan dan petunjuk Islam. Mereka juga tidak akan terpedaya-kapar dalam menilai sesuatu sehingga menjadi seorang individu masyarakat yang jahil dan tidak mempunyai pengetahuan yang mengenai Islam.

Tegasnya aktiviti-aktiviti berbentuk keislaman ini serta sebarang maklumat dan pengajarannya yang disampaikan kepada masyarakat amat berguna untuk menjamin kesejahteraan dan kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat. Kebahagiaan peneroka adalah kejayaan Felda, kejayaan Felda adalah kebanggaan negara dan kesejahteraan masyarakat. Kebahagiaan masyarakat adalah kebahagiaan

.Justeru itu felda hendaklah sentiasa memastikan kehidupan masyarakatnya dipenuhi dengan kesejahteraan serta keperibadian yang sebagaimana yang dikehendaki oleh Allah.

